

'Sudah banyak wang dibelanja'

Petani mengeluh lebih 50 daripada 77 lot sawah tenggelam air

SUNGAI HAJI DORANI – Musim tengkujuh bukan sahaja menjejaskan ratusan lot sawah padi di sekitar Sungai Besar malah nasib sama turut menimpa petani di sekitar Sungai Haji Dorani apabila dianggarkan lebih 50 lot daripada 77 lot sawah tenggelam.

Lebih malang masalah ini melibatkan laot sawah yang berada dalam Blok A20 menyebabkan ramai petani mengeluh kerana terpaksa menghadapi permasalahan ini.

Ketua Blok A20, Mohd Jamil Sayuti, berkata, sebelum ini bencana yang sama berlaku pada musim 2/2009 dan menyebabkan hasil padi petani terlibat merosot hampir 50 peratus.

"Kita sendiri tidak tahu apa lagi yang patut dilakukan apabila bencana ini berlaku sekali lagi pada musim 1/2011. Kalau boleh kita tidak mahu petani menanggung kerugian seperti mana sebelum ini.

"Tetapi kalau lihat keadaan semasa, petani akan menghadapi keperitan itu sekali lagi, tambahan pula ada juga di kalangan petani kehabisan modal," katanya.

Mohd Jamil, berkata, lebih RM6,000 dibelanjakan untuk tiga lot sawah padi miliknya bagi proses penyediaan ladang sehingga menanam padi menggunakan jentanam, namun akhirnya ditenggelami air.

"Kita meletakkan harapan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang berpengalaman berdepan dengan situasi ini untuk menanganinya secepat mungkin," katanya.

Empat pam yang dibekalkan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengatasi permasalahan ini tidak mencukupi biarpun pam untuk mengeluarkan air beroperasi 24 jam memandangkan air dalam sawah mencapai paras lebih setengah meter.

Menurut Mohd Jamil, kebanyakan petani di situ tidak mempunyai mesin pam dan terpaksa melihat sahaja masalah itu berlaku.

"Jika ada mesin pam sendiri pun, tidak ada yang mampu mengeluarkan kos minyak yang begitu banyak untuk menggunakan mesin pam memandangkan mesin pam itu tidak mampu mengeluarkan air yang begitu banyak dari sawah," katanya.

Simpan hasrat tunai haji

SEMENTARA itu, Umar Amin, 62, berkata, biarpun anak-anaknya su-



Ramli (dua, kanan) dan Pengerusi JKKK Parit Tiga dan Empat Khalil (kiri) bersama petani berbincang mengenai masalah dihadapi mereka.



UMAR AMIN



SAFIE ZAKARIA



AZHAR HARUN



MUSTAFA UDIN

dah besar dan bekerja, beliau lebih suka berdikari untuk menyara kehidupan selain menyimpan hasrat untuk menunaikan ibadah haji dengan wang simpanan hasil menanam padi.

"Nampaknya jika masalah ini berterusan, tiada hasil pada musim ini dan tidaklah saya menambah simpanan untuk menunaikan haji bersama isteri.

"Sudah lebih dua minggu benih padi ditabur namun tiada satu pun yang tumbuh memandangkan paras air di sawahnya menghampiri paras lutut sejak mula musim tengkujuh, kalau boleh tambah empat lagi pam di sini, tentu dapat membantu mengurangkan masalah," katanya.

Difahamkan satu-satunya lot sawah miliknya tenggelam yang mana hampir RM2,000 sudah dilaburkan untuk penyediaan sawah dan penanaman padi.

Bagi Mohd Ramli Ibrahim, 64, biarpun padi yang ditaburnya tumbuh tetapi tidak semua dan beliau perlu menyulam semula.

"Apabila sawah ditenggelami air,

saya tidak boleh berbuat apa, apa-apa pun saya perlu tunggu sawah kering untuk memulakan kerja semula.

"Memang kita risau kalau tiada hasil pada musim ini dan saya memang tiada sumber pendapatan lain, inilah satu-satunya sumber, kalau ada berkebun sawit tidak mengapa, tetapi memang tiada," katanya.

Difahamkan, masalah itu berlaku kerana air daripada Parit 10 hingga Parit Lima mengalir dan berhenti di Parit Empat sebelum dipam ke parit penangkung menyebabkan air melimpah masuk ke dalam sawah.

Perlu segerakan projek

BIARPUN 10 pam digerakkan 24 jam ia tidak mampu mengatasi masalah sawah yang ditenggelami air dan masalah ini boleh diatasi apabila projek membina parit pembuang terus ke laut disegerakan," kata Ketua Blok A17, Mustafa Udin.

"Kita yakin, apabila saluran parit pembuang terus ke laut siap, masa-

sudah bersih. Tapi apa yang berlaku, walaupun sudah mula menanam, rumput masih tebal dan hanya menggunakan tenaga manusia untuk membersihkannya.

"Kita tidak salahkan orang yang membersihkannya, mereka pun tak larat hendak angkat rumput dan terpaksa menggulungnya menyebabkan saluran air menjadi kecil. Elok-elok tiga meter saluran parit sudah tinggal dua meter apabila rumput tergulung di kiri kanan parit, sepatutnya, gunakan jengkaut," katanya.

Manakala, di Blok A15, daripada 52 lot yang ada, 45 lot daripada sudah ditenggelami air yang mana dianggarkan lebih kurang RM90,000 sudah dilaburkan petani dengan purata RM2,000 per lot.

Ketua Blok A15, Azhar Harun, 40, berkata, tiada pam yang diletakkan di sekitar Blok A15 dan jika ada pun, pam itu tidak dapat memberikan apa-apa makna.

"Air sudah tidak boleh dibuang kerana parit pembuang yang ada sudah tidak mampu kerana saluran untuk ke laut kecil dan memakan masa untuk mengalir kerana terpaksa memusing jauh untuk ke laut.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Parit Dua Sungai Haji Dorani, Safie Zakaria, berkata, adalah keperluan kepada Kerajaan Negeri untuk menyalurkan bantuan benih padi kepada petani yang terlibat.

"Petani sudah banyak berhabis wang dan saya sendiri turut merasai keperitannya apabila empat lot sawah padi turut ditenggelami air.

"Kita mengharapkan perhatian dan memohon Kerajaan Negeri mengambil tindakan segera untuk membantu petani memandangkan ramai yang mengeluh dan mahukan bantuan benih," katanya.



Sistem saluran parit pembuang kecil menyebabkan air tidak mengalir sempurna.